

# Mohd Khalil terima kunjungan hormat

Oleh MUHAMMAD ZAIDEE DAUT

AYER KEROH 3 April – Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr. Mohd Khalil Yaakob menerima kunjungan hormat Pegawai Kewangan Negeri Melaka, Hanafi Sakri di pejabat beliau di Seri Negeri, hari ini.

Ini merupakan kunjungan hormat secara rasmi pertama Hanafi sejak dilantik menjadi Pegawai Kewangan Negeri Melaka pada 15 Mac 2018 menggantikan Datuk Wira Roslan Ibrahim yang dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka.

Antara lain kunjungan itu bertujuan mendapatkan pandangan dan nasihat Mohd Khalil dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada



MOHD Khalil menerima kunjungan hormat daripada Hanafi.



HANAFI menandatangani buku pelawat ketika kunjungan hormat ke atas Mohd Khalil, semalam.

kerajaan negeri khususnya dalam pengurusan kewangan yang lebih berhemah dan mapan bagi memastikan ke-

langsungan kerajaan dalam mentadbir negeri di masa kini dan akan datang.

"Tun turut menasihati

dan memberi pandangan agar lebih proaktif dalam aspek menjana dan meningkatkan hasil negeri, sekali gus dapat

meningkatkan rezab kerajaan negeri agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang," katanya.